

Nelayan tempatan didakwa jadi tali barut

FOTO: SINAR HARIAN

APMM Kelantan dedah terdapat nelayan tempatan bocarkan maklumat kepada nelayan asing

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

PASIR PUTEH

Agenensi Pengawalkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan mendedahkan terdapat rakyat tempatan yang menjadi tali barut membocarkan maklumat kepada nelayan warga asing menyebabkan misi pengawalkuasaan mengekang pencerobohan di perairan negara gagal.

Pengarah APMM Kelantan, Kepten Muhamad Nur Syam Asmawi Yaacob berkata, hasil risikan pihaknya mendapati adanya penduduk tempatan terutama nelayan di negara ini yang sanggup menjadi pengkhianat nega-

ra demi wang ringgit.

“Mereka menyalurkan maklumat untuk memperoleh wang mudah dalam jumlah yang banyak bagi tempoh singkat.

“Kewujudan mereka ini memberi kesan yang amat besar dalam misi penguatkuasaan dan sesuatu yang amat serius serta perlu diselesaikan pada peringkat akar umbi iaitu dalam kalangan rakyat,” katanya pada sidang akhbar di Pejabat APMM Tok Bali di sini semalam.

Terdahulu, beliau mengetuai pelayaran menaiki Kapal Maritim (KM) Tok Bali sejauh 16 batu nautika bersama 13 pengamal media dari pelbagai agensi semalam.

Turut diadakan demonstrasi melakukan penggeledahan dan latihan bersepada secara berkala bagi memantapkan lagi kemahiran menembak oleh anggota APMM.

Mengulas lanjut, beliau berkata, tali barut ini bertindak sebagai tonto yang menggunakan pelbagai modus operandi bagi menyalurkan maklumat kepada nelayan warga asing.



“Mereka sering bertukar modus operandi manakala pihak berkuasa pula perlu sentiasa lebih cekap dalam memintas modus operandi itu bagi mengekang kemaraan mereka.

“Kecekapan pasukan

APMM terbukti dengan kejayaan merampas dua bot nelayan asing yang menceroboh perairan negara baru-baru ini,” katanya.

Tambah beliau, APMM bukan sebuah agensi ‘ganas’ yang melakukan kekerasan ketika

bertugas sekiranya tidak menerima ancaman terlebih dahulu daripada pihak lawan.

“APMM tidak akan sewenang-wenangnya melepaskan tembakan jika nyawa anggota tidak terancam,” katanya.

Muhamad Nur Sham (depan, tengah) bersama anggota pengawal kuasa APMM Kelantan mengetuai pelayaran menaiki Kapal Maritim (KM) Tok Bali sejauh 16 batu nautika bersama 13 pengamal media dari pelbagai agensi semalam.